



PERTANDINGAN FOTO KREATIF KELUARGA
**TEMA : “sayeanakberanak, pakatjagamokayah,
menjanakeluargamawaddah”**

1.0 SYARAT PENYERTAAN

- 1.1 Penyertaan adalah terbuka kepada RAKYAT KELANTAN SAHAJA.
- 1.2 Penyertaan boleh dikemukakan secara **INDIVIDU** atau **BERKUMPULAN**, terbuka kepada lelaki dan wanita.
- 1.3 Setiap peserta boleh menghantar lebih dari satu penyertaan tetapi hanya layak memenangi satu hadiah.
- 1.4 Muat naik foto paling kreatif bersama keluarga.
- 1.5 Penyertaan terbuka kepada semua kaum – menutup aurat bagi yang beragama islam dan berpakaian sopan bagi agama lain
- 1.6 Foto yang di muat naik mesti mempunyai mesej, mengikut tema dan hashtag di bawah:
#sayeanakberanak
#pakatjagamokayah
#menjanakeluargamawaddah

2.0 SYARAT PERTANDINGAN

- 2.1 Setiap penyertaan mestilah menepati tema yang telah ditetapkan iaitu **“sayeanakberanak, pakatjagamokayah, menjanakeluargamawaddah”**.
- 2.2 Setiap foto merupakan hasil kreativiti sendiri dan tidak pernah memenangi mana-mana pertandingan kebangsaan atau antarabangsa.
- 2.3 Penyertaan adalah dibenarkan dalam mana-mana bahasa.
- 2.4 Harta intelek bagi mana-mana karya penerbitan, percetakan dan penyiaran yang dilampirkan dalam karya mesti mendapat kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta.
- 2.5 Foto yang dimuatnaik tidak mengandungi sebarang unsur pornografi jenayah, fitnah, penghinaan serta menyentuh sensitiviti individu, agama, kaum dan budaya.
- 2.6 Pihak sekretariat pertandingan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan dari pihak ketiga akibat pelanggaran hasil hak-cipta terhadap hasil foto tersebut.

3.0 HADIAH PEMENANG

- 3.1 Pemenang-pemenang gambar yang terbaik akan menerima hadiah seperti berikut:
 - a) Johan : Tunai RM 200.00 dan sijil penyertaan
 - b) Naib Johan : Tunai RM 150.00 dan sijil penyertaan
 - c) Tempat Ketiga : Tunai RM 100.00 dan sijil penyertaan
 - d) Saguhati : Tunai RM 50.00 x 10 orang dan sijil penyertaan
- 3.2 Pemenang akan dihubungi melalui telefon atau surat-menyurat.

4.0 TUNTUTAN HAK CIPTA

- 4.1 Setiap penyertaan foto adalah hak milik **SEKRETARIAT PERTANDINGAN**
- 4.2 Foto yang dimuatnaik berhak digunakan untuk sebarang tujuan promosi dan siaran sebelum, semasa dan selepas pertandingan.

5.0 PENOLAKAN PENYERTAAN

- 5.1 Sekretariat pertandingan berhak menolak sebarang penyertaan yang tidak menepati syarat pertandingan.
- 5.2 Penyertaan dikira terbatal jika didapati diciplak atau tidak asli.

6.0 TARIKH TUTUP

- 6.1 Semua penyertaan hendaklah dikemukakan kepada sekretariat pertandingan selewat-lewatnya **pada 10 November 2019** sebelum jam 5.00 petang.
- 6.2 Penyertaan selepas dari tarikh tutup tidak akan diterima.

7.0 BORANG PENYERTAAN

Borang penyertaan boleh didapati di :

- 7.1 Pejabat Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Wanita & Keluarga. Kerajaan Negeri Kelantan
- 7.2 *Fanpage* Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Wanita & Keluarga

8.0 SEKRETARIAT PERTANDINGAN

Sekretariat Pertandingan Video Pendek

**Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Aras 2, Blok 2, Kompleks Kota Darulnaim
15503 Kota Bharu, Kelantan.**

Sebarang pertanyaan boleh hubungi:

- 1) Pejabat : 09-7476568 / 09-7476569
- 2) Mesej / whatsapp : 013-9836915 (Unit Pembangunan Keluarga)

9.0 KEPUTUSAN PENGHAKIMAN

Semua keputusan adalah MUKTAMAD. Sebarang bantahan dan rayuan tidak akan dilayan.